

'Muhyiddin kekal PM kerajaan minoriti selagi tak lepasi ujian di parlimen'

Malaysiakini

17 May 2020

Hassan Abdul Karim

ULASAN | Esok, Isnin 18 Mei 2020 ialah tarikh yang penting. Istiadat perasmian pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-14 akan dilakukan Yang di-Pertuan Agong.

Parlimen adalah simbol bahawa demokrasi berfungsi di Malaysia, sebuah negara demokratik, bebas, berdaulat yang menjunjung kedaulatan undang-undang dan keluhuran perlembagaan.

Menjelang sidang parlimen esok, ada persoalan yang masih menunggu jawapan iaitu: Bilakah undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri Muhyiddin Yassin akan dibentangkan di parlimen?

Selagi Muhyiddin belum lepas dan belum lulus ujian undi tidak percaya yang dikemukakan ke Dewan Rakyat dan diterima oleh speaker, maka status ahli parlimen Pagoh itu masih kekal sebagai perdana menteri kerajaan minoriti.

Kabinetnya ialah kabinet kerajaan minoriti.

Sebuah kerajaan minoriti mempunyai bersifat keabsahannya (legitimacy) sementara. Muhyiddin mesti - dalam masa yang segera pada peluang yang ada - membuktikan beliau mempunyai cukup sokongan daripada ahli parlimen untuk menunjukkan bahawa kerajaannya adalah sebuah kerajaan majoriti, hatta dengan majoriti mudah seramai 112 orang saja.

Muhyiddin dilantik oleh Agong sebagai perdana menteri pada 1 Mac 2020 berdasarkan peruntukan Perkara 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan iaitu "Yang di-Pertuan Agong hendaklah terlebih dahulu melantik sebagai perdana menteri untuk mempengerusikan jemaah menteri seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat itu."

Ukuran standard yang diguna pakai dalam Perkara 43 (2)(a) itu ialah ukuran subjektif, bukannya objektif. Perkataan dalam peruntukan perlembagaan itu ialah "pada hematnya mungkin..."

Muhyiddin selaku perdana menteri kerajaan minoriti mesti melepasi ujian objektif iaitu menghadapi dengan seberapa segera usul undi tidak percaya yang dibawa Ahli Parlimen Langkawi Dr Mahathir Mohamad.

Usul itu sudah diterima oleh parlimen sebagai satu usul Dewan Rakyat.

Bolehkah Muhyiddin menyandarkan keabsahan kerajaannya hanya kepada alasan bahawa beliau dilantik Agong di bawah Perkara 43(2)(a)?

Bangun, bergerak ke depan

Dengan rendah hati, penuh hormat dan beradab, jawapan saya ialah: Tidak boleh.

Mengapa tidak boleh? Jawapan kepada soalan ini adalah penting. Malaysia merupakan sebuah negara demokratik yang mengamalkan dwifungsi iaitu sistem raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

Malaysia tidak mengamalkan sistem raja mutlak (absolute monarchy).

Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan itu merupakan pengiktirafan terhadap kuasa institusi raja di Malaysia. Tetapi kuasa itu tidaklah lengkap dan tidak mutlak dalam soal pelantikan seorang perdana menteri.

Mengapa saya berhujah demikian? Kerana dengan jelas Perkara 46(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan hal berkenaan Keanggotaan Dewan Rakyat iaitu: "Dewan Rakyat hendaklah terdiri daripada dua ratus dua puluh dua

orang ahli dipilih."

Perkataan kunci di sini ialah perkataan "dipilih". Ia bermaksud dipilih oleh rakyat di dalam pilihan raya melalui peti undi.

Perkara 46(1) Perlembagaan Persekutuan itu adalah pengiktirafan Perlembagaan Persekutuan terhadap kuasa rakyat. Demokrasi berparlimen adalah demokrasi yang lahir dari peti undi dan pilihan raya.

Kuasa rakyatlah yang sebenarnya memilih sesebuah kerajaan. Kuasa rakyat juga - seperti kuasa raja - adalah suatu institusi yang diiktiraf oleh undang-undang dan perlembagaan.

Sebagai seorang ahli parlimen secara ikhlas dan jujur saya menyeru kepada Muhyiddin segera menyelesaikan krisis perlembagaan ini yang menyentuh keabsahan kerajaan pimpinannya.

Lagi cepat lagi baik supaya krisis perlembagaan ini tidak meleret-leret yang akan merugikan rakyat dan negara. Sebagai suatu Bangsa Malaysia dan demi negara yang kita sayangi, maka kita perlu segera bangun dan bergerak ke hadapan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/526066>